

Pelanggan 7-Eleven boleh guna eWallet

Kuala Lumpur: Pelanggan 7-Eleven Malaysia kini boleh menikmati kemudahan pembayaran dan tambah nilai menggunakan dompet digital Touch 'n Go eWallet di 2,381 rangkaianannya di seluruh negara.

Kerjasama itu dimeterai dalam usaha mengembangkan lagi capaian penggunaan Touch 'n Go eWallet oleh orang ramai meliputi kawasan bandar dan sebaliknya.

Cara ini memudahkan orang ramai terutama pelanggan 7-Eleven yang mahu cepat dan sentiasa *on the go*.

ia dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital Sdn Bhd, Ignatius Ong, Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Malaysia, Colin Harvey dan Ketua Pegawai Eksekutif Razer Fintech, Jasmine Ng.

Ong berkata, rakyat Malaysia kebanyakannya kini mementingkan kemudahan dan kelajuan di mana kedua-duanya adalah fokus utama Touch 'n Go eWallet.

"Saya percaya kerjasama ini melonjakkan gaya hidup masyarakat yang boleh melakukan pembayaran dan mengurus niaga secara digital di mana sahaja.

"Penambahan 7-Eleven ke dalam satu kumpulan rakan niaga kami yang kian bertambah juga adalah satu nilai untuk kami dan juga pengguna," katanya.

Harvey pula berkata, pihaknya memberi komitmen penuh dalam memberi perkhidmatan terbaik yang diperlukan

pelanggan 24 jam setiap hari.

"Kerjasama ini memastikan 7-Eleven kekal sesuai dengan landskap perniagaan yang sentiasa berubah. Pada masa sama, kami memenuhi keutamaan cara pembayaran pengguna yang semakin canggih di samping menyokong saranan kerajaan dalam menggalakkan rakyat bertukar kepada pembayaran tanpa tunai," katanya.

Pengenalan Touch 'n Go eWallet di semua outlet 7-Eleven dikuasakan Razer Merchant Services iaitu penyedia perkhidmatan pedagang utama di Asia Tenggara.

Pengguna Touch 'n Go eWallet hanya perlu membayar dan imbas untuk melengkapkan pembayaran.

Bagi meraikan kerjasama berkenaan, pengguna kali pertama memilih pembayaran tanpa tunai menggunakan Touch 'n Go eWallet di 7-Eleven akan menikmati pulangan tunai RM8 dengan memasukkan pin tambah nilai TNGJG7N1.

Mulai 1 hingga 7 November ini, pengguna Touch 'n Go eWallet yang membelanjakan RM11 dan ke atas di dalam satu resit menerima rebat tunai RM7 (sah untuk sekali transaksi sahaja).

Manakala bermula 8 November hingga 31 Disember 2019, dengan setiap perbelanjaan RM20 di dalam satu resit pula pengguna akan menerima rebat tunai RM4.

Rebat tunai terhad (dua kali) bagi setiap pengguna sepanjang tempoh kempen itu berlangsung.



ONG